

TREND PENGUNDIAN DALAM PILIHAN RAYA UMUM MALAYSIA KE-13

(Voting Trends in Malaysia 13th General Elections)

Junaidi Awang Besar

ABSTRAK

Pilihan Raya Umum ke-13 (2013) merupakan pilihan raya yang paling sengit dalam sejarah pilihan raya di Malaysia sehingga disifatkan oleh sarjana politik sebagai *mother of election* atau 'ibu segala pilihan raya' di Malaysia. Hal ini kerana buat pertama kalinya dalam sejarah pihak pembangkang mempunyai peluang yang hampir seimbang dalam memenangi pilihan raya tersebut. Justeru, artikel ini akan melihat dan menganalisis trend pengundian yang berlaku dengan menggunakan data agregat keputusan PRU 2013. Keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional apabila hanya memenangi 133 kerusi (60 peratus) berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008. Ini sekaligus bermaksud Barisan Nasional gagal mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008. Namun yang menariknya undi popular berpihak kepada Pakatan Rakyat apabila memperolehi 51 peratus berbanding Barisan Nasional hanya memperolehi 47 peratus. Keputusan sedemikian menunjukkan sistem demokrasi masih dipraktikkan di negara ini. Justeru, BN selaku pemerintah pusat perlu melakukan sesuatu, mungkin mereformasikan strategi politik dan pemimpin mereka ke arah menawan semula hati pengundi yang tidak menyokong mereka agar mendapat mandat yang lebih kukuh iaitu majoriti 2/3 kerusi Parlimen seterusnya menawan semula 'negeri-negeri kaya' iaitu Selangor dan Pulau Pinang pada PRU akan datang. Bagi parti-parti pembangkang pula, ruang demokrasi yang ada perlu dimanfaatkan sebaiknya di samping dapat memainkan peranan 'sekat dan imbang' untuk manfaat rakyat di negara ini.

Kata kunci: Pilihan raya umum, pola pengundian, strategi politik, pengundi, demokrasi, tsunami politik, sekat dan imbang.

ABSTRACT

General Elections (GE) to the 13th (2013) is the most intense election in the history of elections in Malaysia that are characterized by political scientists as 'the mother of the election' in Malaysia. This is because for the first time in the history of the opposition have almost equal chances to win the election. Thus, this article will look at and analyze the voting trends that occur with the use of aggregate data of 2013 GE. The of parliamentary election results showed a reduction in the number of parliamentary seats won by Barisan Nasional when it won only 133 seats (60 per cent) compared to the 140 seats in GE 2008. It also intends Barisan Nasional failed to regain the two-thirds majority mandate seats of the total 222 parliamentary seats as 'political tsunami' in election 2008. But the pull of the popular vote in favor of Pakatan Rakyat when

acquiring 51 per cent compared to Barisan Nasional only obtained 47 percent. Such a result shows democracy is still practiced in the country. Thus, BN as the central government needs to do something, perhaps reform the political strategies and their leaders to recapture the hearts of voters who do not support them in order to get a stronger mandate that a majority of 2/3 of parliamentary seats next recapture 'rich state' which Selangor and Penang in the next general election. For the opposition parties, the democratic space available should be used in addition to being able to play the role of 'checks and balances' for the benefit of the people in this country.

Keywords: general election, voting patterns, political strategy, voters, democracy, political tsunami, check and balance.

PENGENALAN

Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 yang cukup sengit telah diadakan pada 5 Mei 2013 setelah Parlimen dibubarkan oleh Perdana Menteri Mohd Najib Razak pada 3 April 2013. Justeru, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) selaku badan yang bertanggungjawab untuk menguruskan perjalanan dan kelancaran pilihan raya di Malaysia telah menetapkan bahawa penamaan calon diadakan pada 20 April 2013 dan pembuangan undi dilakukan pada 5 Mei 2013. Keputusan Pilihan Raya Umum 2013 yang diumumkan lewat malam pada 5 Mei 2013 yang lepas menunjukkan ianya tidak jauh berbeza dengan keputusan pilihan raya sebelum ini iaitu Pilihan Raya Umum ke-12 (2008). Ternyata sekali 'tsunami politik' yang melanda negara dalam Pilihan Raya Umum (PRU) 2008 tersebut telah meninggalkan 'pesisiran pantai' yang baru dalam kalangan pengundi dan seterusnya membentuk satu persekitaran politik baru di Malaysia.

Keputusan pilihan raya di peringkat kerusi Parlimen menunjukkan pengurangan jumlah kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional apabila hanya memenangi 133 kerusi (60 peratus) berbanding 140 kerusi dalam PRU 2008. Ini sekaligus bermaksud Barisan Nasional gagal mendapatkan kembali mandat majoriti dua per tiga kerusi Parlimen daripada jumlah keseluruhan 222 kerusi Parlimen sebagaimana 'tsunami politik' dalam PRU 2008. Namun yang menariknya undi popular berpihak kepada Pakatan Rakyat apabila memperolehi 51 peratus berbanding Barisan Nasional hanya memperolehi 47 peratus. Berbanding PRU 2008, undi popular masih memihak kepada Barisan Nasional apabila mereka memperolehi 52 peratus berbanding pakatan pembangkang memperolehi 47 peratus undi popular. Meskipun demikian, Barisan Nasional masih mampu merampas kembali Kerajaan Negeri Kedah daripada Pakatan Rakyat walaupun masih gagal merampas kembali Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Selangor dan Kelantan. Ketiga-tiga negeri tersebut dikuasai oleh Pakatan Rakyat dengan majoriti 2/3 kerusi. Barisan Nasional juga hanya mampu membentuk Kerajaan Negeri dengan majoriti mudah di Kedah, Perak, Terengganu dan Negeri Sembilan. Ternyata sekali bahawa keputusan pilihan raya ini tidak jauh berbeza dengan keputusan 'tsunami politik' dalam PRU 2008. Justeru, artikel ini akan melihat dan menganalisis trend pengundian yang berlaku dengan menggunakan data agregat keputusan PRU 2013.

KAJIAN LITERATUR: POLITIK DAN PILIHAN RAYA DI MALAYSIA

Kajian lepas/literatur mempunyai kaitan dengan permasalahan kajian iaitu apa yang dikaji yang boleh diperoleh dalam jurnal, buku, laporan penyelidikan dan kertas persidangan/seminar. Segala perbincangan diatur dengan rapi agar sesuatu maksud yang logik dan sistematik dapat disampaikan dalam penulisan. Perbincangan yang baik tentang kajian lepas menumpukan kepekaan penyelidik terhadap kelemahan ataupun kekuatan sesuatu kajian lepas itu berhubung dengan kajian yang dijalankan. Cara seperti ini memerlukan penyelidik menjadi kritis terhadap kajian lepas dan berupaya melihat kajian tersebut daripada perspektif dan orientasi akademik. Antara faktor-faktor yang dapat dibincangkan ialah berkaitan dengan reka bentuk kajian, pemilihan subjek, batasan kajian, saiz persampelan dan pemilihan ujian yang bersesuaian dengan reka bentuk kajian. Faktor-faktor tersebut akan menentukan signifikan kegunaan kajian untuk pelaksanaan sesuatu dasar atau peraturan dalam bidang yang sedang dikaji.

Mc Gee (1962) mendapati etnik merupakan faktor penting dalam proses politik di Malaysia. Beliau menyatakan faktor etnik, kewilayahan dan personaliti calon mendominasi politik negara dalam tahun 1950-an. Sokongan yang diperoleh parti yang berasaskan etnik seperti PAS dan PPP menunjukkan corak politik yang sedemikian mendominasi iklim politik secara keseluruhan. Parti juga dikuatkan dengan meletakkan calon daripada etnik tertentu untuk satu kawasan pilihan raya yang etnik tertentu adalah dominan. Vasil (1972) dalam bukunya *Politics in a Plural Society: A Study of Non-Communal Political Parties in West Malaysia* menyatakan bahawa faktor etnik ini perlu dilihat dari sudut perkembangan parti politik yang bersifat berbilang kaum. Tesis Vasil ialah parti politik yang padanya, asalnya bersifat berbilang kaum bertukar kepada parti bukan Melayu dan akhirnya menjadi organisasi bukan Melayu yang bersifat perkauman.

Lau (1983) dalam kajian peranan MCA dan DAP sebagai parti politik pejuang kepentingan kaum Cina selepas 1969 mendapati MCA tidak dapat menyuarakan dengan lebih berani mengenai hak yang diperjuangkan untuk kaum Cina kerana menghormati semangat pemuafakatan Barisan Nasional yang menguasai Kerajaan Persekutuan, namun berbeza dengan DAP sebagai parti pembangkang yang lantang memperjuangkan hak kaum Cina sehingga digelar sebagai 'cauvanis'. Ismail (1979) mendapati bahawa struktur politik di Malaysia adalah berteraskan kepada etnik. Dalam pilihan raya umum Malaysia pada tahun 1978, komponen dalam Barisan Nasional (BN) seperti UMNO telah menawan 79 kawasan yang majoritinya orang Melayu dari 114 kawasan parlimen yang dipertandingkan di Semenanjung Malaysia. Keadaan yang sama juga berlaku di kawasan yang mempunyai majoriti kaum Cina lebih gemar memilih parti pembangkang terutamanya DAP. Funston (1980), dalam kajiannya telah menyatakan bahawa golongan masyarakat Melayu yang taraf sosio-ekonomi tinggi lebih cenderung menyokong kepada UMNO sebaliknya golongan masyarakat Melayu bertaraf sosio-ekonomi rendah lebih cenderung menyokong PAS.

Walaupun terdapat kajian mengenai geografi pilihan raya (electoral geography) oleh sarjana barat dan tempatan tetapi kajian yang berdasarkan kepada penyelidikan yang telah dilakukan, didapati tidak banyak kajian-kajian awal yang lebih mengkhusus kepada topik perbincangan dan menganalisis keputusan sesuatu pilihan raya. Namun, Mohamed (1980) telah

menganalisis keputusan pilihan raya umum 1978 di kawasan Parlimen Damansara, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Menurut beliau sokongan pengundi ke atas sesebuah parti politik adalah berdasarkan kepada keprihatinan sesebuah parti tersebut ke atas masalah masyarakat dan sosial penduduk di kawasan itu.

Kajian awal tentang pilihan raya dari sudut geografi menimbulkan andaian bahawa rakyat mengundi selaras dengan apa yang mereka anggap penting dari perspektif mereka. Mengikut Sothi (1982), variasi kawasan adalah diterangkan oleh faktor-faktor kelas sosial dan ekonomi, warganegara dan bangsa. Faktor ini dianggap akan mempengaruhi keputusan pilihan raya. Sarip (1982) yang melihat penyertaan politik masyarakat desa di Kampung Ulu Atok, Raub mendapati individu yang mempunyai taraf pendidikan yang tinggi dan pendapatan yang lebih baik aktif dalam kegiatan politik. Kajian yang dilakukan oleh Noraini dan Rokiah (1984) mengenai penyertaan politik dalam kalangan wanita bandar dan desa pula menunjukkan bahawa kadar pengetahuan dan penyertaan politik dalam kalangan wanita desa dan bandar adalah rendah. Dalam kajian Anuar (1987) juga mendapati pendidikan, kesedaran, dan matlamat politik kaum Melayu di Kampung Majidi, Johor Baharu mempunyai hubungan yang positif dengan penyertaan politik. Ramanathan, et al. (1988) yang telah menganalisis keputusan Pilihan Raya Umum 1980, mendapati pengundi Melayu dan India di kawasan bandar turut memberi sokongan padu kepada DAP di samping kaum Cina. Ini menggambarkan penduduk bandar lebih bersifat radikal. Malahan BN tidak pernah mendapat sokongan padu para pengundi bandar yang bersikap liberal dan tidak bimbang jika mereka tidak diwakili oleh parti pemerintah (Nik Zainal Abidin 1990: 60).

Zakry (1990) ada mengulas prestasi yang dicapai oleh beberapa buah parti politik di dalam Pilihan Raya Umum 1990 yang tidak memberangsangkan. Berbanding dengan Pilihan Raya Umum 1986 lalu, pilihan raya kali ini tidak menunjukkan prestasi yang lebih baik bagi kebanyakan parti politik dalam Barisan Nasional. Lim (1990) dalam kajian pilihan raya kecil Parlimen Ampang dari aspek kelas sosial dan unsur perkauman mendapati pengundi di kawasan tersebut lebih mementingkan isu pertumbuhan ekonomi dan penyelesaian masalah sosioekonomi mereka berbanding unsur perkauman dan kelas sosial. Shamsul Amri (1990: 4-5) menyatakan pengundi pada era 90-an sudah bijak dalam arena politik dan mempunyai kuasa untuk menentukan siapakah pemimpin mereka malah wakil-wakil rakyat yang akan bertanding sering dilanda kerisauan untuk mendapat sokongan padu daripada rakyat pada setiap kali kempen pilihan raya. Kajian oleh Khong (1991) menganalisis penggunaan isu, kaum, agama serta bahasa dalam pilihan raya umum 1990. Isu-isu yang dimanipulasikan dalam pilihan raya 1990 tersebut memberikan kelebihan kepada parti pembangkang iaitu PAS dalam isu agama, Semangat 46 dalam isu kaum dan bahasa dan DAP dalam isu kaum dan konsep 'Malaysian Malaysia' seterusnya parti-parti pembangkang tersebut berjaya memenangi beberapa kerusi-kerusi DUN dan Parlimen dalam pilihan raya tersebut.

Kajian yang dijalankan oleh Rogers (1992) di Kampung Sungai Raya, Muar, Johor mendapati penduduk di kampung tersebut semakin ramai terlibat dalam kegiatan politik khususnya dalam UMNO. Pertambahan yang paling ketara adalah dalam kalangan wanita dan mereka lebih bersikap terbuka dengan menghadiri mesyuarat parti dan berkempen untuk parti yang disertai. Chin (1992) telah mendapati bahawa golongan yang berpendapatan dan

berpendidikan tinggi adalah lebih cenderung menyokong MCA daripada golongan yang berpendapatan dan berpendidikan rendah yang lebih cenderung menyokong DAP. Tan (1992) dalam kajian politik perkauman di Kota Melaka dalam pilihan raya umum 1969-1990 mendapati kesetiaan kepada parti lebih dominan berbanding perkauman di samping faktor-faktor personaliti dan khidmat calon. Perpaduan dalam kalangan masyarakat Cina juga tidak terjejas meskipun mereka berlainan ideologi politik. Boey (1992) dalam kajian sokongan kaum Cina terhadap MCA dan DAP mendapati golongan yang berpendapatan dan berpendidikan tinggi lebih cenderung menyokong MCA berbanding DAP yang disokong golongan yang berpendapatan dan berpendidikan rendah dan kekalahan calon MCA dalam pilihan raya umum 1990 bagi DUN Kota Darulaman adalah kerana faktor perkhidmatan MCA yang kurang memuaskan, perselisihan dalaman MCA dan masalah calon yang dipertandingkan.

Bagi Majelar (1993) dalam kajiannya tentang sumbangan wanita Kelantan dalam pilihan raya mendapati bahawa sumbangan wanita Melayu dapat dilihat dalam beberapa segi seperti mengundi, sebagai penceramah dari rumah ke rumah selain daripada menjadi ahli parti politik. Menurut beliau lagi wanita Kelantan memberi sumbangan yang agak besar dalam bidang politik begitu juga dengan pengaruh undi mereka dalam memberi kemenangan kepada seseorang calon, memandangkan peratus wanita yang keluar mengundi adalah hampir sama dengan lelaki. Sesungguhnya sumbangan wanita dalam bidang politik tidak boleh dipandang remeh. Kemudian, Fatimah (1994) yang membuat kajian tentang wanita Kelantan dan keterlibatan mereka dalam politik. Beliau telah mendapati antara jenis penyertaan wanita dalam politik adalah menjadi ahli politik dan membantu dalam pilihan raya.

Kajian tentang pemilihan calon telah dilakukan oleh Mohd Fuad (1995). Beliau mendapati setiap parti politik di Semenanjung Malaysia telah mengambil kira komposisi kaum pengundi sebagai panduan untuk menyenaraikan dan menempatkan calon yang bertanding bagi setiap pilihan raya umum yang telah dijalankan. Faktor kaum telah bertindak sebagai 'mediator' dalam pemilihan dan penempatan calon. Mohd. Safar (1995) dalam kajiannya juga menyatakan pengundian mengikut kaum akan berterusan walaupun lama-kelamaan trend ini semakin berkurangan. Parti-parti yang bertanding sering meletakkan calon mengikut asas majoriti kaum tertentu di dalam sesuatu kawasan pilihan raya. PAS hanya bertanding di kawasan majoriti Melayu, manakala DAP yang bertanding di kawasan Parlimen, hampir semuanya dikenalpasti sebagai kerusi yang mempunyai majoriti Cina. Namun begitu, trend ini tidak diikuti sepenuhnya oleh Barisan Nasional. Menurut Abdul Hamid (1995), kajian mengenai pilihan raya sudah banyak dilakukan di Malaysia. Walaupun demikian, kebanyakan kajian merupakan analisis 'Post-Mortem' terhadap keputusan setiap pilihan raya umum yang telah berlangsung. Gambaran corak perubahan kemenangan parti juga ditunjukkan melalui peta. Hamid (1995) telah mengkaji ragam pengundi di Malaysia. Beliau telah mendapati bahawa faktor-faktor seperti sosio-ekonomi, etnik, tempat tinggal, ideologi dan media massa amat berkesan dalam mempengaruhi sokongan terhadap satu satu parti.

Lee (1995: 3), hasil kajiannya menunjukkan pada pilihan raya 1995, kumpulan golongan pedagang yang berpengaruh penting dalam masyarakat Cina dengan jelas telah memberi sokongan mereka kepada BN di bawah kepimpinan Dr. Mahathir. Mereka berasa yakin dengan cara Perdana Menteri yang tegas dan tetap dalam membawa kepada pelaksanaan peraturan dan

undang-undang. Ahmad Fawzi (1995: 16-24) menyentuh tentang pergolakan yang berlaku dalam MCA di mana MCA cuba dengan sedaya upaya untuk menarik sokongan padu pengundi yang menyokong DAP supaya dapat menggunakan tekanan yang lebih kuat agar UMNO akur kepada MCA yang mewakili pengundi Cina dalam beberapa tuntutan yang berkaitan kaum Cina. Rusiah (1995) telah mengkaji tentang keterlibatan wanita dalam politik dan pilihan raya di Kota Bharu, Kelantan. Hasil daripada kajian beliau mendapati bahawa ada perkaitan umur dan pendidikan dalam mempengaruhi satu-satu parti. Mereka yang berusia lebih cenderung untuk memilih parti tradisi negeri Kelantan iaitu PAS, manakala golongan muda pula cenderung untuk memilih parti kerajaan pusat. Saliha (1995) pula telah mengkaji perspektif ideologi-ideologi calon wanita dalam pilihan raya. Hasil daripada kajian beliau mendapati bahawa ideologi amat berkesan dalam mendasari perjuangan kaum wanita. Ideologi juga amat berkesan dalam menentukan parti politik yang disokong oleh pengundi.

Samsiyah (1996) yang mengkaji tingkahlaku pengundi bandar dan luar bandar bagi Pilihan Raya Umum 1986, 1990 dan 1995 di Kelantan, mendapati bahawa sikap, pendapat, dan tindak balas yang berbeza antara individu. Walau bagaimanapun, pengundi di Kelantan amat berminat tentang politik sama ada di bandar atau luar bandar. Mereka amat mengambil berat setiap calon yang menang. Kajian Kamsaini (1995) mendapati bahawa wanita adalah asset yang penting bagi parti dan calon yang bertanding di Kelantan, kerana setia memberikan sokongan. Pendidikan mempengaruhi wanita Kelantan untuk menceburkan diri dalam politik dan membuat penilaian parti yang disokong. Teh (1996) dalam kajian trend pengundian kaum Cina di Pulau Pinang mendapati bahawa faktor ekonomi adalah penentu yang signifikan terhadap tingkah laku pengundian Cina dalam pilihan raya umum tahun 1995 di Pulau Pinang.

Sementara itu, terdapat beberapa pengkaji telah melakukan analisis keputusan pilihan raya dengan kaedah kuantitatif seperti Akira (1996), Khong (1990), Zakri (1990), A Malek (1986) dan Edmund (1996). Mereka telah menggunakan kaedah deskriptif serta memberi pandangan mereka terhadap senario yang berlaku dalam Pilihan Raya Umum di Malaysia dengan berlandaskan pelbagai aspek termasuk faktor calon, parti politik, latar belakang pengundi seperti etnik dan sebagainya. Kajian yang dijalankan oleh Faridah (1997) berkenaan sikap, kesedaran dan partisipasi politik dalam kalangan anggota tentera mempunyai pandangan yang positif dan negatif terhadap agenda politik negara. Faktor sosioekonomi dan persekitaran mempengaruhi partisipasi politik anggota tentera. Norlaila (2000) mendapati persepsi dan partisipasi politik dalam kalangan guru di daerah Sik, Kedah adalah positif terhadap politik dan mempunyai partisipasi politik yang tinggi. Mereka mengharapkan pihak kerajaan memberi lebih penekanan terhadap masalah sosial remaja dan pendidikan serta mengambil berat masalah rakyat setempat.

Leow (2001) dalam kajian pilihan raya 1999: tingkahlaku pengundi Cina di Sri Kembangan mendapati faktor media massa, faktor sistem kepercayaan atau sikap politik dan faktor isu politik telah membantu pengundi mencorak keutamaan mereka iaitu mengawal kerajaan dan pembangunan tempatan yang berkesan. Wong (2001) dalam kajian perilaku pengundi Cina dalam pilihan raya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan mendapati isu-isu pembangunan dan perkhidmatan yang diberikan oleh sesebuah parti dan calon pilihan raya merupakan penentu utama seseorang pengundi untuk menyokong parti yang bertanding. Goo (2002) dalam kajian kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka

mendapati faktor kepemimpinan dan kelemahan BN yang menyebabkan DAP terus menang di Kota Melaka. Muhammad Fauzi et al. (2003) dalam kajian tentang penyertaan politik masyarakat negeri Johor dalam Pilihan Raya Umum Ke-10 telah mendapati bahawa masyarakat di negeri Johor hanya cenderung untuk mendaftar sebagai pengundi. Tahap penyertaan masyarakat di negeri Johor masih sederhana tetapi signifikan kepada kemenangan parti pemerintah.

Junaidi dan Mohd Fuad (2009); dan Junaidi et al. (2010b) berpendapat Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Bukit Gantang yang diadakan pada 7 April 2009 kerana kematian penyandanginya iaitu Roslan Shaharum daripada PAS dapat dijadikan pungutan suara rakyat sama ada menerima atau sebaliknya terhadap penubuhan kerajaan baru Negeri Perak dibawah pemerintahan BN. Hasil kajian menunjukkan hampir 100 peratus responden etnik Melayu, Cina dan India menjadikan televisyen sebagai sumber utama maklumat politik mereka. Dari segi kriteria calon pula, responden Cina menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat berbanding Melayu dan India. Kuek (2012) dalam kajian PRK Parlimen Bukit Gantang, Perak mendapati sokongan padu pengundi Cina di samping kekecewaan pengundi terhadap peristiwa rampasan kuasa kerajaan negeri Perak oleh BN menjadi faktor utama kemenangan PAS dalam PRK tersebut.

Junaidi et al. (2010) dalam kajian pilihan raya kecil di Parlimen Hulu Selangor mendapati dari segi kriteria pemilihan calon, 81.7 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat. Parti yang memperjuangkan isu pembangunan dan kemiskinan menjadi pilihan utama mereka (75.3 peratus). Majoriti responden menyokong, menghayati dan memifestasi konsep “1 Malaysia: Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan” dan menyatakan prestasi kepimpinan Kerajaan Persekutuan berada pada tahap memuaskan. Samsudin (2010) dalam kajian “Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12” telah mendapati bahawa kepercayaan kepada maklumat internet dan daripada kawan-kawan serta isu-isu yang dibangkitkan pilihan raya telah menyumbang secara positif terhadap kepuasan PRU-12 yang memihak kepada gabungan parti pembangkang. Markus (2010) menyatakan dalam usaha untuk mengembalikan keyakinan dan sokongan pengundi Cina kepada MCA, parti tersebut perlu berubah dengan tidak lagi menggunakan strategi politik pembangunan yang hanya akan melahirkan masyarakat yang malas, kebergantungan dan pasif untuk menarik undi Cina, sebaliknya perlunya budaya politik pengisian yang bermakna seperti politik nilai, integriti, keadilan dan matang.

Junaidi et al. (2011a) dalam kajian budaya politik Melayu dalam Pilihan Raya Kecil (PRK) Parlimen Hulu Selangor mendapati dari segi kriteria pemilihan calon, 81.7 peratus responden menyatakan mereka memilih calon yang mesra rakyat. Hasil kajian juga mendapati 43.10 peratus responden menyatakan akan mengundi BN berbanding 34 peratus PKR. Dapatan kajian tersebut selaras dengan keputusan sebenar pilihan raya yang memihak kepada BN sebanyak 1,725 undi majoriti. Junaidi et al. (2011b) mendapati trend pengundian sehingga tahun 2011 dalam setiap PRK menunjukkan sokongan terhadap BN/Kerajaan Pusat bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Rakyat bergantung kepada undi kaum Cina/Tionghua. Trend pengundian kaum Melayu di bahagian tengah dan selatan Semenanjung Malaysia dalam PRU 2008 seterusnya pada pilihan raya-pilihan raya kecil (PRK) pada tahun 2008 hinggalah 2011 menunjukkan bahawa mereka secara

dominannya menyokong parti pemerintah Malaysia sekarang iaitu Barisan Nasional (BN), manakala kaum Cina pula berkecenderungan dan mengundi calon-calon daripada parti-parti pembangkang/oposisi atau lebih dikenali sebagai Pakatan Rakyat (Junaidi et al. 2011b). Menurut Amer Saifude dan Zulkanain (2011) dalam kajian tentang analisis pasca PRU ke-12 mengenai sokongan bukan Melayu kepada UMNO dan PAS telah menunjukkan bahawa pengundi Cina dan India telah memberikan sokongan penuh kepada calon pembangkang tanpa mengira etnik calon tersebut walaupun calon parti pembangkang adalah Melayu. Kesimpulannya ialah UMNO dan PAS masih bergantung kepada sokongan etnik Melayu berbanding etnik lain dalam pilihan raya; namun peminggiran etnik lain, jika dilakukan akan turut menjejaskan prestasi mereka.

Lim (2012) menyatakan politik orang Cina adalah realistik mengikut situasi semasa yang mementingkan hak orang Cina apabila kegagalan pemimpin MCA memperjuangkan hak orang Cina pada tahun 1969 dan 2008 menyebabkan MCA telah kalah teruk pada pilihan raya nasional tersebut. Thock (2012) menyatakan ketika pra PRU-13, BN masih gagal memperoleh semula undi Cina yang mereka hilang pada PRU 2008 kerana pendekatan penyelesaian ‘gula-gula politik’ dan ‘ala mi segera’ tidak dapat diterima oleh pengundi Cina, sebaliknya mereka inginkan pengagihan peruntukan dan bantuan secara institusi dan sistematik. Markus (2012) menjelaskan meskipun Ong Tee Keat (OTK) tewas dalam pemilihan Presiden MCA 2010, pemimpin tersebut masih perlu diketengahkan dalam PRU ke-13 kerana ciri kepemimpinan beliau yang mempunyai kelebihan dari segi intelektualismenya, perjuangan politik yang konsisten, tiada skandal dan merentasi batasan kaum.

Menurut Mujibu (2013) dalam kajian “Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum Ke-12” telah mendapati bahawa gabungan faktor-faktor perkauman, permuafakatan, pecah dan perintah, pengawalan dan pembangunan menjadi asas kekuatan BN mendominasi politik Malaysia. Namun, perubahan generasi, modenisasi dan kepesatan teknologi dikenal pasti sebagai penyumbang kepada kekalahan BN itu. Kemunculan generasi baru dalam pilihan raya jelas menunjukkan bahawa generasi di Malaysia telah beranjak dari generasi merdeka kepada pasca merdeka. Junaidi dan Mohd Fuad (2013) dalam kajian trend pengundian antara tahun 2009-2011 dalam setiap Pilihan Raya Kecil (PRK) menunjukkan sokongan terhadap BN/Kerajaan Pusat bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu manakala kekuatan undi Pakatan Rakyat bergantung kepada undi kaum Cina/Tionghua. Junaidi & Mohd Fuad (2013) dalam kajian PRK kawasan Parlimen Bukit Gantang, Perak mendapati bahawa antara faktor-faktor penyebab BN menang di kawasan Melayu pada PRK ini ialah krisis politik dan perlembagaan di Perak. Orang Melayu tidak setuju dengan Pakatan Rakyat kerana kritikan Karpal Singh (DAP) dan Dato’ Seri Mohammad Nizar Jamaluddin (PAS) terhadap Sultan Perak kerana tindakan ini dianggap tidak menghormati Artikel 16 (6) Undang-undang Tubuh Negeri Perak iaitu Kuasa Sultan Perak dalam memutuskan perlantikan Menteri Besar Perak.

Amir Hasan (2013) dalam kajian pola pengundian di Perak dalam pra PRU-13 menjelaskan bahawa adalah sukar untuk membuat ramalan parti yang bakal menang besar pada PRU-13 di Perak. Namun kemenangan parti politik yang bertanding sangat bergantung kepada faktor-faktor yang mempengaruhi corak pengundian iaitu faktor politik dalaman Perak dan juga politik kebangsaan. Amer Saifude (2013) dalam kajian pola pengundian PRK Parlimen Bukit

Gantang menjelaskan bahawa kemenangan PAS dalam PRK tersebut disebabkan peristiwa semasa sosiopolitik Perak iaitu disebabkan peralihan kuasa daripada Kerajaan PR kepada Kerajaan BN-UMNO tanpa mendapat mandat rakyat yang telah mengecewakan sebilangan kelompok pengundi dan disifatkan sebagai lambang kerakusan BN-UMNO. Junaidi et al. (2014b) dalam kajian PRK Parlimen Teluk Intan mendapati secara keseluruhannya sokongan pengundi di kawasan ini dipengaruhi oleh 'pilihan rasional'. Ini kerana berdasarkan pemerhatian di lapangan melalui senario kempen dan penerimaan pengundi ketika itu menunjukkan majoriti pengundi di kawasan Parlimen Teluk Intan mengundi calon atau parti yang dapat membawa perubahan dan pembangunan yang lebih baik terutamanya pengundi daripada etnik Melayu dan India. Manifesto calon BN bagi pengundi lebih realistik kerana BN menguasai Kerajaan Negeri Perak yang berkuasa terhadap tanah dan Kerajaan Persekutuan yang mempunyai peruntukan kewangan yang besar. Tiga fokus utama calon BN (Mah Siew Keong) adalah untuk membangunkan Teluk Intan meliputi infrastruktur, pelancongan dan masyarakat setempat.

Junaidi et al. (2014a) dalam kajian tentang tsunami politik bandar pada Pilihan Raya Umum 2013 di Malaysia telah mendapati bahawa 'tsunami politik bandar' berlaku disebabkan oleh faktor akses pengundi bandar kepada sumber maklumat politik daripada media alternatif seperti facebook, twitter, laman web, blog dan juga SMS di samping faktor sokongan padu pengundi etnik Cina bandar dan sokongan golongan profesional dan pengundi muda kepada Pakatan Rakyat (PR). Junaidi dan Mazlan (2014) dalam kajian tentang perubahan dinamik Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur dari tahun 1955 hingga 2013 telah mendapati bahawa sehingga pertengahan 1960-an, Kuala Lumpur menjadi kubu kuat parti-parti pembangkang berfahaman sosialis yang mendominasi politik demokrasi tetapi peningkatan kefahaman perkauman menyaksikan kebangkitan parti-parti pembangkang berasaskan bukan Melayu seperti DAP dan Gerakan. Menurut Idris (2014) dalam kajian tentang analisis linguistik terhadap manifesto pilihan raya telah mendapati bahawa bahasa atau aspek linguistik mempunyai peranan dalam proses pemerolehan kuasa pemerintahan negara atau proses politik. Dalam kajian ini telah dianalisis cara pemanfaatan bahasa oleh dua parti politik bagi mencapai proses tersebut. Aspek bahasa berkenaan diserlahkan di dalam manifesto pilihan raya yang dihasilkan.

Mohd Fuad et al. (2014a) dalam kajian "Realignment Pengundi Cina dalam PRU Ke-13" telah mendapati bahawa kegagalan BN memperoleh undi etnik Cina pada PRU 13 telah menjadi pengajaran bagi BN untuk membetulkan keadaan dari segi kepimpinan, isu-isu, dasar, institusi, janji dan sebagainya. Mohd Fuad et al. (2014b) dalam kaji selidik terhadap 300 orang responden di kesemua 16 Daerah Mengundi dalam PRK DUN Kajang mendapati bagi jenis kempen, manifesto parti dan calon menjadi medium utama dalam mempengaruhi sokongan responden kepada parti politik dalam PRK DUN Kajang. Isu-isu yang dicanangkan dalam kempen serta dibualkan oleh pengundi di DUN Kajang ialah isu perletakan jawatan ADUN Kajang, isu pergolakan dalaman PKR Selangor, isu pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, isu air, isu sosial, isu pembangunan dan isu alam sekitar.

Junaidi et al. (2014b) dalam kajian PRK DUN Pengkalan Kubor mendapati bagi pola pengundian mengikut Daerah Mengundi, BN terus menang di kawasan pedalaman iaitu di Pengkalan Kubor, Kampung Ketil, Simpangan, Tujoh, Telaga Bata, Bunohan, Jubakar Darat, Bendang Pak Yong dan Telok Jering manakala PAS menang di kawasan pekan dan pinggir

pekan iaitu Kampung Tebing, Kampung Geting dan Kedai Geting. Antara faktor yang dikaitkan dengan kemenangan BN dalam PRK tersebut ialah keberkesanan jentera pilihan raya BN, keputusan PRK tidak memberi impak kepada kedudukan Kerajaan Negeri dan Pusat, calon BN yang baik, dasar kerajaan yang ditunjangi UMNO dan BN diterima rakyat, penjelasan isu royalti minyak dan isu-isu lain yang berjaya ditangani dengan baik, masalah dalaman Pakatan Rakyat dan penurunan peratusan keluar mengundi. Junaidi et al. (2015) dalam kajian Pilihan raya Kecil (PRK) Parlimen Permatang Pauh dan Parlimen Rompin 2015 mendapati isu nasional lebih mempengaruhi dalam PRK Permatang Pauh dan politik pembangunan terus ditagih oleh pengundi dalam PRK Rompin. Keputusan PRK ini menunjukkan BN dan PKR berjaya mengekalkan kerusi yang dimenangi oleh parti-parti tersebut pada PRU-13, 2013 yang lalu. Oleh itu, dalam PRK ini memperlihatkan pemimpin atau calon lama tetap dipilih oleh rakyat di kedua-dua kawasan ini. Ini menunjukkan ikatan identifikasi parti pengundi begitu kuat kepada BN di Rompin dan PKR (Permatang Pauh) walaupun kedua-dua parti ini meletakkan calon lama sebagai calon dalam kedua-dua pilihan raya kecil ini.

Junaidi dan Mohd Fuad (2016) dalam kajian trend pengundian Pilihan Raya Kecil (PRK) DUN Tenang (Johor), Kerdau (Pahang) dan Merlimau (Melaka) menunjukkan sokongan terhadap UMNO bergantung kepada undi yang disumbangkan oleh kaum Melayu. Ini mengukuhkan lagi hegemoni UMNO terhadap pengundi Melayu di persada politik negara hingga sekarang. Pengundi Melayu yang tinggal di kawasan luar bandar yang hanya menerima maklumat daripada media arus perdana; yang juga dibelenggu kemiskinan yang masih serba kekurangan dari segi kemudahan infrastruktur yang amat dipengaruhi oleh sentimen 'Politik Pembangunan' yang masih memerlukan bantuan atau 'tongkat' serta mempunyai mentaliti bahawa orang Melayu sebagai 'tuan' dan penduduk 'asal' di Malaysia ini dan berpandangan hanya UMNO/BN yang layak dan sesuai mentadbir negara dan negeri berdasarkan pengalaman 56 tahun memerintah negara dan negeri, akan terus menyokong UMNO/BN. Junaidi dan Mazlan (2016) dalam kajian politik negeri Terengganu pada PRU 2013 mendapati bahawa keputusan PRU-2013 di negeri Terengganu mengejutkan ramai pihak terutamanya pengkaji politik dan pemimpin politik di peringkat nasional. Hal ini kerana fenomena kebalikan sokongan pengundi Melayu kepada BN/UMNO seluruh negara tidak terkesan di Terengganu sebaliknya hampir-hampir menyingkirkan pemerintahan BN di negeri Pantai Timur ini. Program PAS Ganti UMNO anjuran Badan Perhubungan PAS Negeri Terengganu sejak tahun 2008 hingga 2013 di kesemua lapan parlimen di negeri ini menunjukkan kesan positif kepada PAS yang hampir menawan negeri Terengganu.

Muhammad Hazim et al. (2016) dalam kajian mengenai reaksi rakyat Selangor mengenai senario semasa politik pasca PRU 2013 menuju PRU-14 akan datang di kawasan DUN Teratai, Parlimen Pandan, Selangor mendapati bahawa isu ekonomi merupakan isu terpenting yang perlu ditangani oleh Kerajaan. Bagi isu domestik, isu gangguan bekalan air boleh menjejaskan sokongan rakyat kepada Kerajaan Selangor. Sebaliknya responden bersetuju dengan dasar-dasar Kerajaan Pusat yang mementingkan kebajikan rakyat seperti pemberian BRIM, rumah mampu milik, bantuan kepada pelajar sekolah dan universiti. Oleh itu, pengundi di Selangor mementingkan kerajaan yang mengutamakan kebajikan rakyat di samping inginkan kerajaan yang telus, adil dan berintegriti. Siti Noranizahhafizah & Jayum (2016) dalam kajian keputusan PRU 2013 di negeri Perak menjelaskan bahawa pada PRU 2013 yang lalu, BN menang di negeri

Perak dengan kedudukan yang sengit seperti PR pada PRU 2008. Kedudukan ini dilihat agak goyah kerana sekiranya berlaku perubahan kedudukan beberapa kerusi, parti yang pemerintah boleh jatuh seperti yang berlaku kepada PR selepas PRU 2008. Pada bila-bila masa krisis politik yang berlaku pada tahun 2009 boleh berulang dan memihak kepada PR pula.

DEMOGRAFI PENGUNDI PADA PRU 2013

Pilihan Raya Umum Ke-13 yang diadakan pada 5 Mei 2013 sebagaimana yang diwartakan oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) mempunyai pengundi berdaftar seramai 13,268,002 orang dengan pecahan pengundi biasa seramai 12,885,434 orang, pengundi pos (146,742) dan pengundi awal (235,826). Negeri Selangor merupakan negeri yang mempunyai pengundi berdaftar paling tinggi di Malaysia iaitu sebanyak 15.44 peratus diikuti oleh negeri Johor (12.10 peratus) dan Perak (10.60 peratus) manakala negeri Perlis merupakan negeri terkecil mempunyai pengundi berdaftar iaitu sebanyak 1.03 peratus diikuti negeri Melaka (3.31 peratus) dan Negeri Sembilan (4.19 peratus). Dari segi gender pengundi berdaftar pula, 50.23 peratus adalah pengundi wanita dan 49.77 peratus adalah pengundi lelaki. Pengundi daripada etnik Melayu di Semenanjung mencatatkan 59.20 peratus, etnik Cina (30.60 peratus), etnik India (8.70 peratus) dan lain-lain etnik (1.50 peratus). Negeri-negeri yang mempunyai majoriti etnik Melayu tinggi adalah negeri Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah dan Pahang manakala negeri selebihnya adalah mempunyai komposisi etnik Melayu dengan bukan etnik Melayu hampir seimbang. Bagi Borneo, pecahan etnik dipecahkan kepada Bumiputera Islam, Bumiputera Bukan Islam, etnik Cina dan lain-lain dengan komposisi Bumiputera Islam sebanyak 41.30 peratus, Bumiputera Bukan Islam (30.60 peratus), etnik Cina (25.20 peratus) dan etnik-etnik lain (2.90 peratus) (Berita Harian, 7 Mei 2013).

Jadual 1: Komposisi kaum pengundi berdaftar mengikut negeri-negeri di Semenanjung Malaysia

Negeri-negeri di Semenanjung	Pengundi Berdaftar	Peratus	Melayu (%)	Cina (%)	India (%)	Lain-lain (%)
Perlis	137,057	1.03	84.35	11.48	1.50	2.67
Kedah	1,041,068	7.85	76.40	15.31	6.77	1.52
Kelantan	918,573	6.92	94.50	3.70	0.30	1.5
Terengganu	634,944	4.79	95.92	3.55	0.25	0.28
Pulau Pinang	846,232	6.38	35.26	53.37	10.89	0.48
Perak	1,406,734	10.60	48.60	37.70	11.66	2.03
Pahang	736,111	5.55	69.73	21.35	4.65	4.27
Selangor	2,048,828	15.44	50.21	34.06	14.39	1.34
WP KL	792,071	5.97	35.50	51.60	11.90	1.00
WP Putrajaya	15,791	0.12	94.70	1.10	3.10	1.10
Negeri Sembilan	555,982	4.19	53.01	30.30	14.85	1.84
Melaka	439,040	3.31	58.34	33.91	6.41	1.34
Johor	1,605,311	12.10	53.71	38.83	6.55	0.91
Jumlah	11,177,742		59.20	30.60	8.70	1.50

Sumber: Berita Harian, 7 Mei 2013

Jadual 2: Komposisi kaum pengundi berdaftar mengikut negeri-negeri di Borneo Malaysia

Negeri-negeri di Borneo	Pengundi Berdaftar	Peratus	Bumiputera Islam (%)	Cina (%)	Bumiputera Bukan Islam (%)	Lain-lain (%)
WP Labuan	24,474	0.18	39.3	23.20	33.30	4.20
Sabah	981,814	7.40	48.44	17.50	28.36	6.05
Sarawak	1,083,972	8.17	34.80	32.30	32.50	0.00
Jumlah	2,090,260		41.3%	25.2%	30.6%	2.9%

Sumber: Berita Harian, 7 Mei 2013

Dari segi kohort umur pengundi pula, kohort umur 40 sehingga 49 tahun merupakan kohort yang paling tinggi mempunyai pengundi berdaftar iaitu seramai 21.87 peratus manakala kohort umur 90 tahun keatas adalah paling rendah iaitu 0.34 peratus. Segmentasi pengundi muda iaitu pengundi yang di bawah 40 tahun ke bawah adalah sebanyak 41.92 peratus berbanding pengundi pertengahan (40–59 tahun) sebanyak 40.27 peratus dan pengundi tua (60 tahun keatas) sebanyak 17.81 peratus. Dari segi negeri-negeri, Perlis, Kedah, Kelantan, Terengganu, Perak, Pahang, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah mempunyai segmentasi pengundi muda yang lebih ramai berbanding pengundi pertengahan dan pengundi golongan tua manakala negeri-negeri selebihnya mempunyai pengundi pertengahan yang lebih ramai berbanding pengundi muda dan golongan tua.

Jadual 3: Kohort umur pengundi berdaftar mengikut negeri-negeri

Negeri	21-29 (%)	30-39 (%)	40-49 (%)	50-59 (%)	60-69 (%)	70-79 (%)	80-89 (%)	90 keatas (%)
Perlis	20.05	21.17	20.06	18.45	11.87	6.20	1.92	0.27
Kedah	20.50	22.59	21.08	17.77	10.54	5.67	1.60	2.26
Kelantan	25.48	23.78	19.59	15.39	9.56	4.41	1.51	0.29
Terengganu	28.58	24.67	19.08	14.67	7.98	3.81	1.01	0.21
Pulau Pinang	16.00	21.05	22.22	19.63	12.74	6.07	1.93	0.37
Perak	17.77	21.64	20.51	18.57	12.34	6.72	2.07	0.38
Pahang	21.67	23.90	20.17	17.36	10.80	4.81	1.06	0.23
Selangor	18.79	23.75	23.90	18.73	9.65	3.97	1.02	0.19
WP KL	14.62	21.18	22.79	21.72	12.43	5.44	1.51	0.31
WP Putrajaya	30.51	29.14	18.09	18.50	3.33	0.36	0.06	0.01
Negeri Sembilan	19.08	22.38	20.51	19.26	11.06	5.73	1.66	0.32
Melaka	19.83	22.69	20.83	17.99	11.04	5.69	1.63	0.29
Johor	17.84	22.95	22.56	18.56	10.94	5.31	1.53	0.30
WP Labuan	18.91	23.23	22.60	20.40	9.05	4.05	1.29	0.47
Sabah	20.36	24.46	22.10	17.35	8.35	4.89	1.72	0.77
Sarawak	13.61	21.09	24.52	20.55	11.91	5.72	2.04	0.56
JUMLAH	19.13	22.79	21.87	18.40	10.71	5.21	1.55	0.34

Sumber: <http://keputusan.spr.gov.my/#home>

TREND PENGUNDIAN

Daripada jumlah keseluruhan pengundi berdaftar seramai 13,268,002 orang, bagi kerusi 222 Dewan Rakyat seramai 11,256,545 orang atau 84.84 peratus telah keluar mengundi manakala 9,742,254 orang (85.82 peratus) telah keluar mengundi untuk 505 kerusi DUN (tidak termasuk DUN Sarawak yang telah mengadakan pilihan raya berasingan pada tahun 2011). Peratus keluar mengundi ini merupakan yang tertinggi dalam sejarah pilihan raya di Malaysia. Ini menunjukkan kesedaran dan tahap partisipasi politik yang tinggi dalam kalangan rakyat Malaysia dalam sebuah negara yang mengamalkan demokrasi berparlimen. Antara negeri yang mencatatkan kadar keluar mengundi tertinggi ialah Terengganu dengan peratusan sebanyak 88.25 peratus diikuti oleh Melaka (87.50 peratus), Selangor (87.36 peratus), Kedah (87.25 peratus) dan Pulau Pinang (87.16 peratus) manakala negeri yang paling kecil peratusan keluar mengundi ialah Sarawak (76.48 peratus) dan Sabah (80.48 peratus).

Undi rosak atau juga dikenali sebagai undi ragu bermaksud kertas undi yang tidak jelas cara ianya ditanda dan meragukan atau kertas undi itu rosak seperti seperti terkoyak, kotor atau sebagainya. Dalam hal ini ianya boleh ditafsirkan dalam dua keadaan. Keadaan pertama ialah undi yang memang rosak disebabkan kurangnya pendidikan oleh pengundi dalam proses menanda kertas undi dan ianya dilakukan oleh pengundi secara tidak sengaja. Keadaan kedua

ialah pengundi memang berniat untuk melakukan undi protes dengan membuat undi rosak. Undi rosak dalam PRU 2013 mencatatkan sebanyak 173,661 undi atau 1.54 peratus daripada jumlah keluar mengundi. Berbanding PRU 2008, undi rosak yang dicatatkan adalah 175,400 undi atau 2.2 peratus. Ini menunjukkan terdapat pengurangan undi rosak yang berlaku dalam PRU 2013 berbanding PRU 2008. Menurut Amer Saifude dan Zulkanain (2011), undi rosak yang tinggi dicatatkan dalam PRU 2008 yang lalu jelas menunjukkan wujudnya undi protes daripada pengundi terhadap Barisan Nasional dan menyebabkan beberapa buah kerajaan negeri tumbang kepada pakatan pembangkang seperti di Selangor, Perak dan Kedah.

Jadual 4: Jumlah keluar mengundi dan undi rosak di kerusi Parlimen mengikut negeri

Negeri	Keluar Mengundi	Peratus (%)	Undi Rosak	Peratus (%)
Perlis	118,012	86.10	1,723	1.46
Kedah	908,320	87.25	13,923	1.53
Kelantan	782,356	85.17	10,841	1.39
Terengganu	559,272	88.08	6,707	1.20
Pulau Pinang	737,561	87.16	8,829	1.20
Perak	1,164,303	82.77	19,921	1.71
Pahang	625,026	84.91	11,300	1.81
Selangor	1,789,780	87.36	25,785	1.44
WP Kuala Lumpur	664,128	83.85	5,019	0.76
WP Putrajaya	14,465	91.60	73	0.50
Negeri Sembilan	474,977	85.43	8,929	1.88
Melaka	384,162	87.50	6,259	1.63
Johor	1,395,763	86.95	26,084	1.87
WP Labuan	19,377	79.17	207	1.07
Sabah	790,148	80.48	18,085	2.29
Sarawak	828,985	76.48	9,976	1.20
JUMLAH	11,256,635	84.84	173,661	1.54

Sumber: <http://keputusan.spr.gov.my/#home>

Buat pertama kali dalam sejarah pilihan raya di Malaysia, selepas proses penamaan calon pada PRU 2013, tiada kawasan pilihan raya yang tidak dipertandingkan seperti pilihan raya-pilihan raya sebelum ini. Kawasan yang tidak dipertandingkan membawa maksud hanya seorang sahaja calon yang disahkan bertanding dan kebiasaannya perkara ini berlaku disebabkan oleh kesilapan teknikal calon lawan dalam mengisi borang pencalonan, calon yang tidak layak bertanding atau calon tarik diri pada saat-saat terakhir. Pilihan raya umum kali ini juga telah menarik perhatian calon-calon bebas dan parti-parti kecil lain untuk bertanding yang menyaksikan terdapat 56 calon yang terdiri daripada parti-parti kecil seperti Parti Cinta Malaysia (PCM), Barisan Jemaah Islamiah Se-Malaysia (Berjasa), Parti Reformasi Negeri (STAR), Parti Maju Sabah (SAPP), Parti Sosialis Malaysia (PSM), Parti Pekerja Sarawak (SWP), Parti

Kesejahteraan Insan Tanah Air (KITA) dan Parti Bersatu Sasa Malaysia (Bersama) serta calon bebas seramai 79 orang.

PRU 2013 juga menyaksikan buat pertama kali dalam sejarah Barisan Nasional tidak bertanding satu kerusi apabila calon Barisan Nasional di Parlimen Pasir Mas telah menarik diri dan memberi peluang kepada calon Bebas (mesra BN) untuk berdepan dengan calon PAS secara satu lawan satu. Selain daripada itu, pakatan PKR-DAP-PAS yang membentuk kerjasama politik dengan membentuk gabungan longgar yang dinamakan sebagai Pakatan Rakyat untuk menghadapi satu lawan satu dengan Barisan Nasional dalam pilihan raya juga menyaksikan pertembungan sesama sendiri dalam gabungan tersebut apabila PAS dan PKR bertembung di 7 kerusi iaitu DUN Kota Damansara (Selangor), Parlimen Labuan, DUN Sungai Acheh (Pulau Pinang), DUN Panti (Johor), DUN Bukit Besi (Terengganu), DUN Kota Putera (Terengganu) dan DUN Seberang Takir (Terengganu). Ini berbeza dalam PRU 2008 apabila kerjasama antara ketiga-tiga parti tersebut untuk melawan satu sama satu dengan Barisan Nasional berjaya dilaksanakan. Pertembungan sesama sendiri ini membuktikan rapuhnya kerjasama antara DAP-PKR-PAS ini.

Keputusan pilihan raya ini menunjukkan Barisan Nasional hanya memenangi 133 kerusi Parlimen daripada 222 jumlah kerusi Parlimen berbanding 140 kerusi yang dimenangi dalam PRU 2008. Ini merupakan pengurangan sebanyak 7 kerusi manakala Pakatan Rakyat yang terdiri daripada pakatan DAP-PKR-PAS berjaya meningkatkan kerusi yang dimenangi daripada 82 kerusi dalam PRU 2008 kepada 89 kerusi. Dalam Pakatan Rakyat, DAP merupakan parti yang paling cemerlang apabila memenangi 38 kerusi daripada 51 kerusi atau 74.5 peratus manakala PKR pula memenangi 30 kerusi daripada 99 kerusi bertanding. PAS pula hanya memenangi 21 kerusi berbanding 73 kerusi yang ditandingi.

Selain itu perlu ditekankan bahawa UMNO yang merupakan teras kepada Barisan Nasional telah berjaya meningkatkan kerusi yang dimenangi daripada 79 kerusi (bertanding 117 kerusi) dalam PRU 2008 kepada 89 kerusi (bertanding 121 kerusi). Peningkatan prestasi UMNO yang bertanding di kerusi majoriti Melayu kesemuanya terutamanya di negeri Kedah dan Kelantan menunjukkan wujudnya sedikit peralihan undi pengundi Melayu kepada Barisan Nasional. MCA yang meletakkan calon di kawasan majoriti Cina pula hanya tinggal 6 kerusi sahaja berbanding 15 kerusi pada PRU 2008. DAP pula berjaya meningkatkan kerusi yang dimenangi sebanyak 10 kerusi berbanding 28 kerusi manakala PKR dan PAS masing-masing kehilangan satu kerusi berbanding jumlah kerusi yang dimenangi dalam PRU 2008.

Bagi undi yang diperolehi oleh parti-parti yang bertanding pula, Barisan Nasional berjaya memperolehi 5,237,986 undi atau 47.4 peratus berbanding Pakatan Rakyat yang memperolehi 5,624,011 undi atau 50.9 peratus undi. Perbezaan antara undi popular dan kerusi yang dimenangi ini adalah disebabkan oleh sistem pilihan raya yang digunakan oleh Malaysia ialah sistem majoriti mudah, *first-past-the-post* yang berasaskan *single member constituencies*. Sistem ini membawa maksud pengundi dipecahkan kepada kawasan-kawasan pilihan raya tertentu dan pemenang ditentukan melalui undi tertinggi yang diperolehi walaupun mempunyai kelebihan satu undi. Sesuatu parti perlu mendapatkan sejumlah kerusi Parlimen di Dewan Rakyat sekurang-kurangnya dengan majoriti mudah untuk membentuk Kerajaan. Oleh kerana Barisan

Nasional berjaya memperolehi kerusi majoriti dalam Parlimen, maka Barisan Nasional yang berjaya membentuk Kerajaan Persekutuan walaupun undi popular berpihak kepada Pakatan Rakyat. Ini berbeza dengan sistem pilihan raya perwakilan bernisbah seperti *single transferable vote* atau *list system* yang bermaksud sesuatu parti akan mendapat sejumlah kerusi yang lebih kurang sama dengan peratusan undi yang diperolehi.

Jadual 5: Jumlah dan peratus kerusi menang dan undi yang diperolehi parti di peringkat Parlimen

Parti Bertanding	Jum. kerusi bertanding	Jum. kerusi menang	Kerusi menang (%)	Jum. undi	Undi (%)
Barisan Nasional	221	133	59.9	5,237,986	47.4
Pakatan Rakyat	223	89	40.1	5,624,011	50.9
PAS	73	21	9.5	1,633,199	14.8
PKR	99	30	13.5	2,254,211	20.4
DAP	51	38	17.1	1,736,601	15.7
Calon bebas dan parti-parti lain	135	0	0.0	192,890	0.02

Sumber: <http://keputusan.spr.gov.my/#home>

Dalam konteks pembentukan Kerajaan Negeri yang ditentukan melalui majoriti kerusi yang diperolehi di dalam Dewan Undangan Negeri (DUN), terdapat juga ketidakseimbangan undi yang diperolehi dengan kerusi yang dimenangi. Sebagai contoh Pakatan Rakyat yang membentuk kerajaan negeri Selangor memperolehi undi popular sebanyak 59.6 peratus namun memperolehi 78.6 peratus kerusi DUN. Begitu juga Kerajaan PAS di Kelantan memperolehi 55.3 peratus undi popular tetapi memperolehi 73.3 peratus kerusi di DUN. Begitu juga Barisan Nasional yang membentuk Kerajaan Negeri Pahang memperolehi 71.4 peratus kerusi di DUN namun hanya mempunyai 54.1 peratus undi popular sahaja. Ini menunjukkan bahawa ketidakseimbangan undi yang diperolehi juga dialami oleh semua pihak yang bertanding. Ianya bergantung kepada strategi pilihan raya yang digunakan oleh parti-parti yang bertanding untuk memenangi semaksimum mungkin kerusi dipertandingkan dan bukannya terlalu menumpu kepada undi popular semata-mata.

Jadual 6: Jumlah dan peratus kerusi menang dan undi yang diperolehi parti di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN)

NEGERI	BN		PAS		PKR		DAP		Bebas&parti-parti lain	
	% Kerusi	% Undi	% Kerusi	% Undi	% Kerusi	% Undi	% Kerusi	% Undi	% Kerusi	% Undi
Perlis	86.7	56.4	6.7	23.7	6.7	2.1	0.0	16.0	0.0	1.8
Kedah	58.3	50.4	25.0	32.4	11.1	2.0	5.6	14.3	0.0	0.9
Kelantan	26.7	44.6	71.1	51.7	2.2	0.0	0.0	3.5	0.0	0.1
Terengganu	53.1	51.4	43.8	44.5	3.1	0.0	0.0	3.5	0.0	0.6
Pulau Pinang	25.0	32.1	2.5	6.1	25.0	37.7	47.5	23.7	0.0	0.4
Perak	52.5	44.4	8.5	17.7	8.5	23.7	30.5	13.5	0.0	0.8
Pahang	71.4	54.1	7.1	21.8	4.8	10.1	16.7	12.3	0.0	1.7
Selangor	21.4	39.4	26.8	20.8	25.0	17.7	26.8	21.1	0.0	1.0
N. Sembilan	61.1	51.8	0.0	12.3	8.3	22.0	30.6	13.2	0.0	0.7
Melaka	75.0	53.3	3.6	15.0	0.0	22.9	21.4	8.3	0.0	0.5
Johor	67.9	54.0	7.1	21.4	1.8	18.5	23.2	5.9	0.0	0.2
Sabah	80.0	55.6	0.0	2.8	11.7	8.1	6.7	21.3	1.7	12.2
Jumlah	54.5	47.3	16.8	22.3	9.7	15.1	18.8	13.6	0.2	1.6

Sumber: <http://keputusan.spr.gov.my/#home>

Pola pengundian mengikut etnik juga menarik untuk diperhatikan. Untuk memudahkan pembahagian etnik, data 222 Parlimen dipecahkan kepada kawasan pilihan raya di Semenanjung dan Borneo. Terdapat kira-kira 114 kerusi Parlimen yang mempunyai pengundi majoriti Melayu atau 69.1 peratus daripada 165 kerusi Parlimen di Semenanjung (Jadual 7). Majoriti di sini membawa maksud sesuatu etnik mempunyai peratusan etnik melebihi 50 peratus di sesuatu kawasan. Kawasan Parlimen yang mempunyai majoriti pengundi Cina pula sebanyak 22 kerusi (13.3) manakala kawasan campuran iaitu tiada mana-mana etnik yang menjadi majoriti pula mempunyai 29 peratus kerusi (17.6 peratus). Daripada peratusan kemenangan di kawasan majoriti Melayu di Semenanjung, ternyata Barisan Nasional mendapat sokongan yang tinggi daripada pengundi Melayu apabila memperolehi 77 kerusi Parlimen (67.5 peratus) berbanding hanya 37 kerusi (32.5 peratus) yang dimenangi oleh Pakatan Rakyat. Kawasan majoriti Cina pula jelas menunjukkan penguasaan mutlak Pakatan Rakyat apabila memenangi kesemua 22 kerusi (100 peratus) tersebut. Kerusi campuran juga pula menunjukkan Pakatan Rakyat menguasai kawasan yang bercorak sedemikian apabila memenangi 21 kerusi (72.4 peratus) berbanding 8 kerusi (27.6 peratus) oleh Barisan Nasional. Jumlah keseluruhan kerusi yang dimenangi oleh Barisan Nasional di Semenanjung adalah 85 kerusi yang mana sebahagian besarnya disumbangkan oleh kawasan majoriti Melayu. Pakatan Rakyat pula memenangi 80 kerusi Parlimen yang lebih separuh daripada kerusi tersebut disumbangkan oleh kawasan majoriti Cina dan kawasan campuran.

Dalam konteks pertandingan pilihan raya di Borneo iaitu Sabah dan Sarawak pula jelas menunjukkan pola pengundian yang sama apabila Pakatan Rakyat menguasai secara mutlak di kawasan yang mempunyai majoriti Cina apabila memenangi kesemua kerusi tersebut iaitu sebanyak lapan kerusi. Barisan Nasional pula jelas menguasai kawasan pilihan raya yang

mempunyai majoriti Bumiputera Islam dan majoriti Bumiputera Bukan Islam serta kawasan campuran apabila memenangi kesemua kerusi tersebut kecuali satu kawasan majoriti Bumiputera Bukan Islam iaitu Parlimen Penampang di Sabah. Secara keseluruhan daripada 57 kerusi Parlimen di Sabah dan Sarawak, Barisan Nasional jelas mendominasi apabila memenangi 48 kerusi tersebut atau 84.2 peratus yang mana ianya disumbangkan oleh kawasan majoriti Bumiputera Sabah dan Sarawak serta kawasan campuran berbanding Pakaran Rakyat yang hanya memenangi 9 kerusi sahaja (15.8 peratus) dengan majoritinya adalah kawasan etnik Cina.

Jadual 7: Jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi mengikut etnik majoriti di Semenanjung

Etnik Majoriti (>50%)	JUMLAH		BN		PR	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
Melayu	114	69.1	77	67.5	37	32.5
Cina	22	13.3	0	0	22	100
Campuran	29	17.6	8	27.6	21	72.4
JUMLAH	165	74.3	85	51.5	80	48.5

Sumber: Diolah daripada Berita Harian, 7 Mei 2013

Jadual 8: Jumlah kerusi Parlimen yang dimenangi mengikut etnik majoriti di Borneo

Etnik Majoriti (>50%)	JUMLAH		BN		PR	
	Bil	Peratus	Bil	Peratus	Bil	Peratus
Bumiputera Islam	26	45.6	26	100	0	0
Bumiputera Bukan Islam	15	26.3	14	93.3	1	6.7
Cina	8	14.0	0	0	8	100
Campuran	8	14.0	8	100	0	0
JUMLAH	57	25.7	48	84.2	9	15.8

Sumber: Diolah daripada Berita Harian, 7 Mei 2013

Justeru, timbul persoalan mengapakah corak dan pola pengundian yang berlaku dalam PRU 2013 seolah-olah mengekalkan pola pengundian yang berlaku dalam pilihan raya sebelumnya iaitu PRU 2008? Bahkan keputusan yang dicapai oleh Barisan Nasional lebih buruk daripada ‘tsunami politik’ 2008 yang lepas walaupun pelbagai usaha dan transformasi yang telah dibuat Perdana Menteri merangkap Pengerusi Barisan Nasional untuk meningkatkan sokongan terhadap Barisan Nasional. Namun akhirnya segala usaha tersebut diihat sebagai gagal apabila Barisan Nasional hanya mendapat 133 kerusi Parlimen sahaja sekaligus gagal mendapatkan kembali majoriti dua per tiga kerusi dalam Parlimen. Berdasarkan sosio politik pasca PRU 2008 sehingga kini, jelas menunjukkan ‘beban’ yang dialami oleh Barisan Nasional untuk mengembalikan sokongan rakyat terbanyak semakin berat.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulannya, PRU 2013 memperlihatkan kemerosotan penguasaan BN dari segi kerusi Parlimen dan juga undi popular. Keadaan tersebut disebabkan oleh apa yang dikatakan

'tsunami Cina' yang memusnahkan harapan BN untuk mendapat kerusi Parlimen 2/3 serta menawan semula negeri Selangor dan Pulau Pinang. Pengundi luar yang tinggal diluar kawasan juga menyebabkan BN gagal menawan semula Kelantan di samping nyaris-nyaris tumbang di Terengganu. Pengundi muda pula asyik dengan mengakses seterusnya mempercayai maklumat politik secara rambang daripada media sosial dan internet dan teruja dengan slogan 'ubah' dan 'ini kalilah' yang dilihat telah dapat memukau persepsi dan pendirian politik mereka. Dengan itu, program transformasi yang diperkenalkan Perdana Menteri dilihat gagal memikat tiga kategori pengundi iaitu pengundi Cina, pengundi luar kawasan dan pengundi muda. Justeru, BN selaku pemerintah pusat perlu melakukan sesuatu, mungkin mereformasikan strategi politik dan pemimpin mereka ke arah menawan semula hati tiga kategori pengundi yang dinyatakan di atas agar mendapat mandat yang lebih kukuh iaitu majoriti 2/3 kerusi Parlimen seterusnya menawan semula 'negeri-negeri kaya' iaitu Selangor dan Pulau Pinang pada PRU akan datang.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Abdullah (1995) *Ragam Pengundi di Malaysia: Satu Tinjauan Awal Kertas Seminar Anjuran Jabatan Sains Politik Universiti Kebangsaan Malaysia*.
- Amir Hasan Dawi (2013) Pola Pengundian di Perak dalam PRU-13. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?.* Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Amer Saifude Ghazali dan Zulkanain Abdul Rahman (2011) Pilihan Raya Umum ke 12: Tinjauan Mengenai Corak Pengundian. Dalam Joseph M. Fernando, Zulkanain Abdul Rahman dan Suffian Mansor. *Pilihan Raya Umum Malaysia ke 12, Isu dan Pola Pengundian*. hlm. 51-71. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Amer Saifude Ghazali (2013) Analisis dan Pola Pengundian. Dlm. Mohammad Redzuan Othman & Amer Saifude Ghazali. *Pilihan Raya Kecil Parlimen Bukit Gantang 2009*. Kuala Lumpur: Pusat Kajian Demokrasi dan Pilihan Raya Universiti Malaya (UMCEDEL).
- Anuar Sheikh Ali (1987) Kesedaran, Sikap dan Tindakan Politik di Kalangan Komuniti Melayu: Satu Kajian Kes di Kampung Majidi, Johor Bahru. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia (Tidak diterbitkan).
- Berita Harian, 7 Mei 2013.
- Boey Chin Gan (1992) MCA atau DAP yang mendapat sokongan kaum Cina? Satu Tinjauan di kawasan Dewan Undangan Negeri Kota Darulaman (N10). Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Faridah Shaari (1997) Sikap, Kesedaran dan Partisipasi Politik dalam Kalangan Anggota Tentera. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia. (Tidak diterbitkan).

- Funston, N.J. (1980) *Malay Politics in Malaysia: A Study of the United Malays National Organisation and Party Islam*. Kuala Lumpur: Heinemann Educational Books (Asia).
- Goo Lee Ping (2002) Kemenangan berterusan DAP di Parlimen Kota Melaka. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

<http://keputusan.spr.gov.my/#home>.

- Idris Aman (2014) Manifesto Pilihan Raya dan Prestasi Parti Politik Utama Malaysia dalam Pilihan Raya Umum Ke-13: Suatu Analisis Linguistik. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 65-82.

- Ismail Kassim (1979) *Race Politics And Moderation: A Study Of The Malaysian Election Process*. Singapore: Time Book International.

- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2013) Pola Pengundian Dalam Pilihan Raya Kecil 2009-2011 Di Malaysia. Dlm. Shamsul Amri Baharuddin & Mansor Mohd Noor (Editor). *PRU-13: Siapa Pilihan Pengundi?*. Bangi: Institut Kajian Etnik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali (2014) Dari Barisan ke Pakatan: Berubahnya Dinamiks Pilihan Raya Umum Kuala Lumpur 1955-2013 *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 65-82.

- Junaidi Awang Besar & Mazlan Ali (2016) Kebangkitan PAS di Terengganu. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.

- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2009) Pola Politik Mengikut Kaum Di Kawasan Parlimen Bukit Gantang (P059). Kertas Kerja Seminar Malindo-Nusantara (I). The Hills Bukittinggi Hotel, Bukittinggi, Sumatera Barat, Indonesia. Anjuran Universitas Andalas (UNAND), Padang, Sumatera Barat, Indonesia dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). 16-17 Disember.

- Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2016) Peranan Pengundi Melayu Dalam Pengukuhan Hegemoni Politik UMNO Dalam Pilihan Raya Kecil DUN Tenang, Kerdu an Merlimau. Dlm. Maslida Yusof, Mohamad Rodzi Abd Razak, Mohammed Azlan Mis & Yusmilayati Yunos (Editor). *Hubungan Malaysia-Indonesia: Sejarah, Politik dan Keselamatan*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Mohd Faidz Mohd Zain (2010a) Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Hulu Selangor 2010: Politik Pembangunan dan Pola Pengundian. Kertas Kerja Asia Pacific Conference (APC) On History, Politics & Strategic Studies And Climate Change. At Faculty Of Social Sciences And Humanities (FSSK) And Senate Room, UKM 29-30 November.

- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali, Abdul Halim Sidek, Yahaya Ibrahim, Noor Aziah Hj. Mohd Awal & Khaidzir Hj. Ismail (2010b) Analisis trend pengundian berdasarkan kaum di kawasan Bukit Gantang, Perak. *Jurnal E-Bangi*. 5(1): 26-37.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain (2011a) Kajian budaya politik Melayu dalam pilihan raya kecil Hulu Selangor, Selangor. *Jurnal Melayu*. (8)2011: 153-172.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Mohd Faidz Mohd Zain (2011b) Trend Pengundian Etnik Melayu Dan Cina/Tionghoa dalam Pilihan Raya 2009-2011 di Malaysia. Kertas Kerja Seminar Internasional Serumpun Melayu (SERUMPUN) 2011 Anjuran Fakultas Ilmu Budaya (FIB) Universitas Hasanuddin (UNHAS) Makassar Dengan Kerjasama Universitas Hasanuddin Indonesia dengan Universiti Kebangsaan Malaysia. 8-9 Jun.
- Junaidi Awang Besar, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali, Mohd Azlan Abdullah, Mazlan Ali & Ahmad Rizal Mohd Yusof (2014a) Pilihan Raya Umum (PRU) 2013 di Malaysia: Suatu Analisis 'Tsunami Politik Bandar'. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 28-38.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Fuad Mat Jali & Sity Daud (2014a) Pilihan Raya Kecil Kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Pengkalan Kubor, Kelantan: Senario, Pola Dan Impak. Kertas Kerja Seminar Pilihan Raya Kecil (PRK) Pasca PRU 2013. Projek Khas Nasional (Media, Demokrasi dan Sistem Elektoral), Majlis Profesor Negara dan Unit Penyelidikan Elektoral, UIAM. Meetings@Bunga Rooms (Kenanga and Melor), Aras 3, Hotel Seri Pacific, Kuala Lumpur. 13 November.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Rosmadi Fauzi, Amer Saifude Ghazali & Mohd Fuad Mat Jali (2014b) Analisis Pilihan Raya Kecil (PRK) 2013-2014 di Malaysia dengan Menggunakan Pendekatan Teori Pilihan Rasional, Teori Identifikasi Parti dan Model Sosiologi. Kertas Kerja Persidangan Antarabangsa Hubungan Malaysia-Indonesia Ke-8 (PAHMI8) (The 8th International Conference On Malaysia-Indonesia Relations). Anjuran dan Tempat: Fakultas Hukum, Universitas Lancang Kuning (Unilak), Pekanbaru, Riau, Indonesia. 23-25 September.
- Junaidi Awang Besar, Mohd Faidz Mohd Zain, Mohd Fuad Mat Jali, Ahmad Rizal Mohd Yusof & Muhammad Hazim Abd Ghani (2015) Calon Lama Vs Calon Muda Dalam Pilihan Raya Kecil Kawasan Parlimen Rompin dan Parlimen Permatang Pauh 2015. 2nd International Conference On Human Sustainability (INSAN 2015). In The Royale Bintang Resort And Spa, Seremban, Negeri Sembilan, Malaysia. Hosting By Faculty Of Science, Technology & Human Development, University Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, Johor. 19-20 October.

- Kamsaini Hassan (1995) Pola Tingkahlaku Pengundi Melayu Kelantan: Kajian Kes di kawasan Parlimen Kota Bharu dan Pasir Mas. Latihan Ilmiah Jabatan Geografi, UKM (tidak diterbitkan).
- Khong Kin Hong (1991) Federalisme dan integrasi nasional. Kertas kerja Seminar Politik iv, UKM Bangi, Selangor.
- Kuek Ser Kuang Keng (2012) By-Election 4: P59 Bukit Gantang, Perak (March 29-April 7, 2009. In Wong Chin Huat & Soon Li Tsing (Edtr). *Democracy at Stake? Examining 16 By-election in Malaysia, 2008-2011*. Petaling Jaya: Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Lau Wan Leong (1983) Peranan MCA dan DAP sebagai parti politik pejuang kepentingan kaum Cina selepas 1969. Latihan Ilmiah, Jabatan Sejarah, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Leow Pek Yee @ Loh Pek Yee (2001) Pilihan raya 1999: tingkahlaku pengundi Cina di Sri Kembangan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim Liang Huat (1990) Penilaian pilihan raya kecil kawasan Parlimen Ampang Jaya tahun 1989: Satu kajian perhubungan unsur kelas sosial dan unsur perkauman. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Lim Kok Hong (2012) Realistik politik orang Cina. Dlm *Pemikir*. Januari-Mac. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Majelar Mamat (1993) *Sumbangan Wanita Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes di Kawasan Parlimen Nilam Puri (P 22), Kelantan*. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Markus Lim Han King (2010) MCA bukan lagi wadah orang Cina? Dlm *Pemikir*. Oktober-Disember. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Markus Lim Han King (2012) Antara Amarah Cina, amarah rakyat. Dlm *Pemikir*. Januari-Mac. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Novel Lyndon & Mohd Faiz Mohd Zain (2014a) 'Realignment' Pengundi Cina dalam PRU Ke-13. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 10: 54 – 64.
- Mohd Fuad Mat Jali, Junaidi Awang Besar, Muhammad Hazim Abd Ghani & Muhammad Nurluqman Mohd Zin (2014b) Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (N25) Kajang, Selangor: Analisis Terhadap Kempen, Isu, Persepsi Terhadap Dasar Kerajaan dan Keputusan PRK. Kertas Kerja International Conference On Social Sciences And Humanities (ICOSH) 2014. Host and at Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), UKM. 10-13 November.

- Mohd. Safar Hasim (1995) “*Ke Mana Arah Parti Pembangkang?*” Kertas Seminar Politik Dan Pilihan Raya Di Malaysia. UKM. 19 Julai 1995.
- Mc Gee, T. G. (1962) The Malayan elections of 1959: A study in electoral geography. *The Journal of Tropical Geography*. 16: 70-99.
- Muhammad Fauzi Othman, Muhammad Fuad Othman. Zaheruddin Othman. Jamaludin Mustafa (2003) Penyertaan Politik Masyarakat Dalam Pilihan Raya: Kajian Kes Pilihan Raya Umum Ke-10 1999 di Negeri Johor. *Jurnal Kemanusiaan*. hlm 178-199. Jabatan Bahasa Moden. Fakulti Perhubungan Antarabangsa. Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Hazim Abdul Ghani, Junaidi Awang Besar & Mohd Fuad Mat Jali (2016) Isu dasar kerajaan dalam politik pengundi pasca Pilihan Raya: Kajian kes DUN Teratai, Pandan, Selangor Darul Ehsan. *Geografia: Malaysian Journal of Society and Space*. 12(4): 34 – 45.
- Mujibu Abd Muis, Zaliha Hj. Hussin & Badrul Azmier Mohamed@Bakar (2013) Perubahan Generasi dan Perkembangan Demokrasi di Malaysia Pasca Pilihan Raya Umum ke-12. *Political Managements and Policies in Malaysia*. Hlm 411-442.
- Ramanathan Sankaran & Mohd. Hamdan Adnan (1988) *Malaysia's 1986 General Election: The Urban Rural Dichotomy*. Singapore: Institute Of Southeast Asia Studies.
- Samsudin A. Rahim (2010) Media, Demokrasi dan Generasi Muda: Analisis Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-12. *Malaysian Journal of Communication*. 26(2): 1-15.
- Samsiyah Ismail (1996) Tingkah Laku Pengundi Bandar dan Luar Bandar Bagi Pilihan Raya 1986, 1990, 1995 di Negeri Kelantan. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Sarip Ismail (1982) Penyertaan Politik Dalam Kalangan Masyarakat Desa: Satu Kajian Kes Di Kampung Ulu Atok, Raub. Latihan Ilmiah. Jabatan Sains Politik. Universiti Kebangsaan Malaysia (tidak diterbitkan).
- Siti Noranizahhafizah Boyman & Jayum Anak Jawan (2016) Kegoyahan Pakatan Rakyat di Perak. Dlm. Muhamad Takiyuddin Ismail, Sity Daud (Editor). *Pilihan Raya Umum Ke-13: Kesenambungan Politik Baharu, Kekentalan Politik Lama*. Sintok, Kedah: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Sothi Rachagan (1982) Geografi Politik. Dlm. *Dasar Ilmu Politik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tan Heng Huat, William (1992) Politik perkauman di Kota Melaka: Satu analisa daripada pilihanraya umum dari tahun 1969 hingga 1990. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Teh Ting Ting (1996) Trend Pengundian Kaum Cina di Pulau Pinang. Latihan Ilmiah. Jabatan Geografi, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Thock Ker Pong (2012) A Chinese dilemma. Dlm *Pemikir*. Januari-Mac. Bangi: Utusan Karya Sdn Bhd.

Vasil, R.K. (1972) *The Malaysian General Election of 1969*. Singapore: Oxford University Press.

Wong Pooi Ling (2001) Perilaku pengundi Cina dalam pilihanraya 1999: satu kajian kes di DUN Rahang, Negeri Sembilan. Latihan Ilmiah, Jabatan Sains Politik, Universiti Kebangsaan Malaysia.

Zakry Abadi (1990) *Analisis Pilihan Raya Umum 90*. Kuala Lumpur: MYZ Sdn. Bhd.

*Junaidi Awang Besar, PhD – Pensyarah Kanan
Pusat Penyelidikan Kelestarian Sosial, Persekitaran dan Pembangunan (SEEDS), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600, Bangi, Selangor, Malaysia
Correspondence: Junaidi Awang Besar (emel: jab@ukm.edu.my)*